

Title : Hubungan yang Terjalin di antara Kerajaan-Kerajaan Awal di Asia Tenggara

Author(s) : Nurul Nazieha binti Mohumad Nazi

Institution : Universiti Kebangsaan Malaysia

Category : Article, Competition

Topics : Politik, Sejarah, Asia Tenggara

ASIA TENGGARA: POLITIK & MASYARAKAT

TAJUK:

HUBUNGAN YANG TERJALIN DI ANTARA KERAJAAN-KERAJAAN AWAL DI ASIA TENGGARA

DISEDIAKAN OLEH:

NURUL NAZIEHA BINTI MOHUMAD NAZI

1.0 PENGENALAN

Alam Melayu merupakan kawasan yang merangkumi kepulauan dan tanah besar. Sejarah Alam Melayu juga telah membuktikan kepada kita tentang kemunculan beberapa kerajaan awal yang hebat dan terkenal seperti kerajaan Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan juga Gangga Negara. Pada asalnya, kerajaan Alam Melayu ini bermula dengan sebuah penempatan yang biasa sahaja. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kebanyakan kerajaan awal ini mempunyai persamaan dari segi lokasi geografi, bahasa, adat serta budaya. Malah, kegemilangan kerajaan awal ini juga turut dikenali setanding dengan tamadun dunia yang lain.

Selain itu, Alam Melayu juga merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian tenggara benua Asia. Terdapat pelbagai istilah yang telah digunakan dalam menggambarkan Alam Melayu ini dan diantaranya adalah seperti Kepulauan Melayu serta Dunia Melayu. Perbezaan istilah-istilah ini adalah disebabkan oleh perubahan dan mengikut peredaran zaman. Misalnya, pada masa dahulu, gugusan tanah luas terbentang yang menyambung kawasan daratan dengan kepulauan ini telah dikenali sebagai Pentas Sunda. Kawasan di Pentas Sunda ini pula mempunyai ciri-ciri fizikal dan hidupan yang hampir sama. Dikatakan juga bahawa manusia yang tinggal di kawasan ini berkongsi tamadun yang sama seperti kepercayaan, asal usul, budaya, bahasa dan masyarakat.

Menurut Professor Emeritus Dato' Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, beliau berpendapat bahawa Alam Melayu meliputi kawasan dari Madagaskar ke Tanah Melayu, Papua New Guinea, Australia, New Zealand, Kepulauan Pasifik dan sehinggalah ke Taiwan.¹ Manakala pada pandangan Professor

¹ Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (et.al), *Asal Usul Melayu, Induknya di Benua Sunda, Tanjung Malim*: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016, hlm. 15

Emeritus Tan Sri Dato' Pendeta (Dr.) Ismail Hussein menyatakan bahawa Dunia Melayu meliputi selatan Vietnam, Kemboja, selatan Myanmar, Segenting Kra, Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filipina.² Bagi Alfred Russel Wallace pula Kepulauan Melayu meliputi Tanah Melayu hingga Tenasserim dan Kepulauan Nicobar, Filipina dan Kepulauan Solomon hingga Papua New Guine.³ Boleh dikatakan kesemua tokoh yang dinyatakan ini telah memperlihatkan pendapat yang hampir sama dari segi lokasi geografinya dan kini Alam Melayu itu dikatakan sebahagian daripada Asia Tenggara.

Kemunculan Alam Melayu adalah bermula daripada penempatan kecil yang mana kemudiannya berubah menjadi pelabuhan dan akhirnya berkembang pula menjadi kerajaan. Kerajaan-kerajaan ini dikatakan sudah muncul sejak abad pertama lagi. Hal ini sekaligus telah membuktikan bahawa Alam Melayu juga mempunyai kerajaan yang sezaman dengan tamadun luar yang lain. Kewujudan kerajaan ini juga telah menyedarkan kita akan kawasan yang sedang kita diami pada hari ini juga mempunyai warisan kerajaan yang agung. Buktinya, banyak kegemilangan yang agung telah dicipta oleh kerajaan-kerajaan awal ini pada masa dahulu seperti hubungan yang pernah terjalin sesama kerajaan tersebut.

2.0 JENIS HUBUNGAN YANG WUJUD DALAM KERAJAAN ALAM MELAYU

Terdapat pelbagai hubungan tradisional yang wujud dalam kerajaan Alam Melayu pada masa dahulu. Hubungan-hubungan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hubungan yang dijalinan dalam lingkungan yang sama di Asia Tenggara atau boleh juga melibatkan hubungan yang diadakan antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar. Antara kerajaan luar yang dimaksudkan itu adalah sudah tentu kerajaan yang sangat hebat seperti China, India, Arab, Parsi dan lain-lain. Setiap hubungan yang dijalinan juga adalah berdasarkan kepada matlamat sesuatu kerajaan tersebut. Dalam penulisan ini kita akan melihat tiga jenis hubungan utama yang wujud pada zaman kegemilangan Alam Melayu. Antaranya adalah hubungan perdagangan, hubungan keagamaan dan juga hubungan diplomatik.

2.1 HUBUNGAN PERDAGANGAN

Kerajaan Alam Melayu telah mencatatkan hubungan perdagangan yang sangat hebat pada suatu ketika dahulu. Kebanyakan perdagangan kerajaan-kerajaan Alam Melayu ini hanya bermula dari kecil-kecilan dan akhirnya sehingga mampu menjadi sebuah pusat perdagangan yang hebat di mata dunia. Boleh dikatakan juga bahawa hampir kesemua kerajaan tersebut mempunyai sistem pelabuhan yang tidak kurang hebat antara satu sama lain yang mana ianya telah menjadi sebab utama aktiviti urusan itu berkembang pesat sekali. Disebabkan oleh banyak pedagang luar seperti Arab, Parsi, India, China dan sebagainya datang berdagang ke Asia Tenggara, kerajaan-kerajaan di Alam Melayu ini sekaligus mampu menjalankan hubungan perdagangan pada ketika itu. Antara kerajaan-kerajaan awal yang terlibat adalah :

² Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*, Bangi: Penerbit UKM, 1993, hlm. 14

³ Alfred Russel Wallace, *The Annotated Malay Archipelago*, Oxford: John Beaufoy Pub., 2009, hlm. 60

a) Kerajaan Srivijaya

Srivijaya adalah antara kerajaan Alam Melayu yang tidak terlepas dalam menjalankan hubungan perdagangan pada suatu ketika dahulu. Kebanyakan hubungan perdagangan yang dijalankan adalah sangat menguntungkan kepada kerajaan tersebut. Misalnya Srivijaya pernah mengadakan jaringan perdagangan dengan banyak kerajaan luar seperti kerajaan China, India, Arab dan juga Parsi. Faktor yang membolehkan kerajaan Srivijaya menguasai dunia perdagangan ini adalah kerana lokasinya yang terletak di antara laluan utama China dan India atau lebih tepat lagi antara laluan Selat Sunda dari Palembang dan Selat Melaka dari Kedah. Oleh itu, kedudukan strategik yang dimiliki oleh kerajaan Srivijaya ini dilihat sangat menguntungkan buat kerajaan tersebut. Selain daripada terletak di kawasan yang strategik, kerajaan Srivijaya juga mampu menjalin hubungan perdagangan dengan kuasa luar yang hebat kerana keistimewaan alam semulajadi yang dimilikinya.

Menurut sebuah catatan Arab, kerajaan Srivijaya ini sangat luas dan dikatakan juga bahawa kapal yang paling laju pada zaman itu juga tidak mampu mengelilingi semua pulau di kerajaan itu selama dua tahun. Malah, Srivijaya juga dikenali sebagai sebuah empayar yang sangat kaya dengan sumber alam termasuklah emas. Pernyataan ini dapat dilihat dengan sangat jelas apabila seorang sami Buddha dari China, I-Tsing dalam catatannya juga menyatakan hal yang sama apabila singgah di Srivijaya dan pernah menggelarkannya sebagai “Chin Chou” atau ‘Kepulauan Emas’. Beliau mengakui bahawa penduduk Srivijaya melakar gambaran Buddha dengan emas dan memberi sembah kepada agama mereka itu dalam bentuk bunga teratai emas dan membina arca-arca hebat dari emas.⁴ Tambahan, masyarakat Srivijaya juga telah menggunakan emas dan perak sebagai mata wang mereka sedangkan pada masa itu kerajaan luar seperti China masih menggunakan tembaga, loyang atau besi lagi.

Antara barangan atau komoditi yang utama yang terkenal dalam hubungan perdagangan Srivijaya ini adalah sumber-sumber alam. Misalnya seperti gaharu, kapur barus, minyak cendana, rotan, bunga cengkih, minyak cendana. Selain itu terdapat juga perdagangan yang melibatkan buah kelapa, buah pinang, buah pelaga, buah pala, gading gajah dan juga timah. Disebabkan oleh kekayaan bahan-bahan mentah atau sumber alam semulajadi ini, ianya telah menjadikan Maharaja Srivijaya hebat dan setaraf dengan raja-raja luar terutamanya di India.⁵

b) Kerajaan Kedah Tua

Selain daripada kerajaan Srivijaya, Kedah Tua juga merupakan antara kerajaan yang bergiat aktif dalam dunia perdagangan. Menurut catatan I-Tsing, Kedah Tua juga dikenali sebagai Cheh-Cha dalam rekod China. Memiliki keistimewaan dan keunikan yang hampir sama dengan kerajaan Alam Melayu yang

⁴ J-Takakusu (2005), *A Record of the Buddhist Religion As Practised in India and the Malay Archipelago* (A.D 671-695). Asian Educational Services. hlm xxxiv.

⁵ Marwati Djoened Poesponegoro, Nugroho Notosusanto (1992), *Sejarah Nasional Indonesia : Jaman Kuna*, PT Balai Pustaka

lainnya membolehkan kerajaan ini berdiri megah bersama-sama di persada dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana kerajaan Kedah Tua ini memiliki pelabuhan yang sangat hebat dan menarik. Pada peringkat awal, Sungai Mas adalah merupakan pelabuhan utama bagi kerajaan ini namun kemudiannya dipindahkan pula ke Lembah Bujang. Kewujudan Gunung Jerai di Kedah Tua adalah antara keunikan yang mendatangkan keuntungan kepada kerajaan tersebut. Buktinya para pedagang luar dari serata dunia singgah di pelabuhan Lembah Bujang atau Sungai Mas kerana adanya Gunung Jerai ini yang menjadi petunjuk atau panduan buat mereka.

Pelabuhan Kedah Tua ini terkenal dalam kalangan para pedagang luar kerana mempunyai sistem dan kemudahan yang sangat baik. Misalnya pelabuhan ini berfungsi sebagai tempat persinggahan, tempat penukaran barang dan terutamanya adalah sebagai tempat membaiki kapal pelayar serta pedagang luar. Kemudahan ini telah membantu melicinkan serta memajukan perdagangan. Antara pedagang luar yang sering singgah di Kedah Tua adalah pedagang dari Eropah, Arab, Sri Lanka, Parsi dan India sebelum meneruskan perjalanan mereka ke Timur pula. Antara barangan yang didagangkan disini adalah emmas, lada hitam, bijih timah, gading, rotan dan semestinya beras. Walaupun ianya dikenali sebagai kerajaan Samudera tetapi ia juga antara kerajaan yang menjadi pengeluar padi yang terkenal. Ini telah membuktikan bahawa Kedah Tua juga telah menjalinkan jaringan perdagangan yang hebat pada suatu masa dahulu.

Selain daripada kerajaan Srivijaya dan Kedah Tua, kerajaan Alam Melayu yang lainnya juga turut terlibat dalam hubungan perdagangan ini. Hal ini adalah kerana hubungan perdagangan adalah sumber ekonomi yang terpenting bagi kerajaan Alam Melayu pada ketika itu. Jika Kedah Tua mempunyai Sungai Mas dan Lembah Bujang sebagai pelabuhan utamanya, kerajaan Gangga Negara pula mempunyai pelabuhan terkenal seperti Lembah Kinta, Sungai Siput, Bidor, Tanjung Rambutan dan Pangkalan. Oleh itu antara barangan yang didagangkan di pelabuhan-pelabuhan tersebut adalah emas, bijih timah, rempah ratus, kapur barus dan juga damar. Malah, menurut Prapanca, kerajaan Majapahit juga pernah menjalinkan hubungan perdagangan yang aktif dengan banyak negara. Antara kerajaan yang terlibat adalah Sulawesi, Jawa Barat, Kalimantan dan Sumatera.

Bukan hanya barangan tempatan yang didagang kepada pedagang luar, malah pedagang luar yang sering singgah di kerajaan Alam Melayu ini juga membawa pelbagai barangan dagangan dari negara mereka. Misalnya boleh dilihat pedagang China membawa barangan seperti sutera, pinggan, mangkuk dan tembikar untuk dijual atau ditukar di kerajaan Alam Melayu. Selain itu, barangan seperti kain kapas, tembikar dan batu-batu bernilai pula dibawa oleh pedagang India. Tidak kurang juga pedagang dari Arab-Parsi yang mana dikatakan turut membawa barangan untuk dijual beli atau ditukar ganti seperti tembikar, barangan kaca, manik serta minyak wangi ketika datang ke kerajaan Alam Melayu.

c)Kerajaan Champa

Hubungan perdagangan yang dijalankan oleh kerajaan Champa boleh dilihat melalui jaringan perdagangan luar yang dilakukan olehnya. Antara kuasa luar yang terlibat dalam urusan perdagangan antarabangsa tersebut adalah Filipina, Kemboja, Utara Borneo dan wilayah China di utara Vietnam. Seperti kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang lain, Champa juga mempunyai pelabuhan entrepot yang terkenal. Antara pelabuhan yang dimaksudkan itu adalah pelabuhan Nha Trang, Quang Nam dan Phan Rang yang mempunyai fungsi yang hampir sama dengan pelabuhan-pelabuhan lain iaitu sebagai tempat persinggahan yang menyediakan pelbagai kemudahan buat pelayar dan pedagang. Namun, kejayaan yang dimiliki dalam dunia perdagangan Champa ini tidak bertahan lama. Hal ini disebabkan oleh kerajaan Champa yang terlalu bergantung kepada kerajaan China. Buktinya, pada abad ke-4 Masihi, pasaran dari China mula menunjukkan nilai kejatuhan sedikit demi sedikit sekaligus menyebabkan Champa juga mengalami kejatuhan yang sama.

2.2 HUBUNGAN KEAGAMAAN

Selain daripada urusan perdagangan, hal-hal yang berkaitan keagamaan juga menjadi salah satu aspek terpenting dalam sesebuah kerajaan itu. Oleh itu, hubungan keagamaan ini juga telah wujud sejak dahulu lagi. Antara agama utama yang terdapat pada ketika itu adalah agama Hindu, Buddha dan juga Islam. Kepelbagaian agama ini telah memberikan kita gambaran bahawa terdapat perbezaan antara negara yang menjalinkan hubungan keagamaan ini dengan kerajaan awal Asia Tenggara.

a) Agama Hindu (India)

Sejak abad ke-2 Masihi sehingga abad ke-3 Masihi lagi, agama Hindu telahpun wujud di kerajaan Alam Melayu. Proses kemasukan pengaruh Hindu ini juga berlaku dengan cara yang tidak seimbang dimana terdapat perbezaan tempoh masa sesuatu kawasan itu menerima pengaruhnya. Terdapat tiga teori utama yang membuktikan bahawa agama Buddha ini adalah sebenarnya agama luar yang dibawa masuk ke kerajaan Alam Melayu di Asia Tenggara :

i) Peranan Vaisya

Golongan *vaisya* atau dikenali sebagai golongan pedagang yang datang dari India ini merupakan teori pertama yang menyatakan mereka ini bertanggungjawab sebagai pelopor yang memperkenalkan pengaruh Buddha di Asia Tenggara. Antara faktor yang menyebabkan golongan ini mengembangkan agama Hindu di kerajaan Alam Melayu ini adalah berikutan daripada kemajuan teknologi perkapalan dan perhubungan dua hala antara India dengan Asia Tenggara. Malah terdapat juga sumber yang mengatakan bahawa orang India yang datang ke Asia Tenggara ini pada mulanya hanya untuk berdagang (N. J Krom) dan bertujuan untuk mendapatkan sumber batu permata. Hal ini adalah disebabkan oleh kegiatan mengimport batu permata yang dijalankan oleh orang India telah

mengalami serangan oleh orang nomad Yueh-chi. Tambahan, mereka juga memilih Asia Tenggara adalah kerana terkenal dengan nama Golden Khersonese (Semenanjung Emas), Sivarnadvipa (Pulau Emas) dan Suvarnabhumi (Bumi Emas).

ii) Peranan Ksyatria

Selain peranan golongan vaishya, kemasukan agama Hindu dari India juga adalah disebabkan oleh golongan kshatriya (tentara). Menurut sejarah, penaklukan yang dibuat oleh tentara-tentara India telah membawa kepada kemasukan agama Hindu di Asia Tenggara. Hal ini dapat dibuktikan apabila tentara atau pahlawan India ini berjaya menakluki beberapa daerah di kerajaan Champa dan Jawa pada masa itu. C.C Berg juga mengakui bahawa terdapat hulubalang India yang menetap di Asia Tenggara dan menjadi bangsawan di Jawa. Mereka ini kemudiannya pula berkahwin dengan wanita tempatan sekaligus membentuk satu masyarakat kacukan dan bermulalah penyebaran agama Hindu di Asia Tenggara oleh golongan Kshatriya ini.

iii) Peranan Brahmin

Golongan Brahmin juga turut dikaitkan dengan kemasukan pengaruh atau kemasukan agama Hindu di Asia Tenggara. Oleh kerana mereka merupakan golongan yang mahir dalam ilmu agama dan kesusasteraan Sanskrit, kedudukan golongan ini dalam kasta masyarakat Hindu di India adalah berada di kelas tertinggi. Berbekalkan kepakaran dan ilmu yang dimiliki, golongan Brahmin ini kemudiannya telah diarahkan untuk menyebarkan agama mereka ke negara luar. Hal ini dapat dibuktikan apabila Kaundinya iaitu seorang Brahmin dari India yang datang ke kerajaan Funan ketika penubuhan kerajaan tersebut di Kemboja. Justeru itu, pengaruh keagamaan yang dibawa oleh orang India terutamanya di Asia Tenggara ini telah membuktikan bahawa telah wujudnya hubungan keagamaan antara kerajaan yang wujud pada masa tersebut.

b) Agama Buddha (China-India)

Selain daripada agama Hindu, agama Buddha juga memperlihatkan kepada kita tentang kewujudan hubungan keagamaan yang berlaku antara kerajaan terdahulu. Misalnya pada tahun 672 Masihi, seorang sami dari China iaitu I-Tsing telahpun menetap selama hampir 6 bulan di kerajaan Srivijaya. Semasa menetap di situ, I-Tsing dikatakan telah mempelajari bahasa Sanskrit dan kemudiannya mendalami agama Buddha di Nalanda, India pula. Setelah hampir sepuluh tahun mempelajari agama Buddha di India, I-Tsing kembali semula ke Srivijaya untuk menterjemahkan naskah-naskah Buddha ke dalam bahasa Cina.

Malah, I-Tsing juga ada menyatakan dalam catatannya bahawa kerajaan Srivijaya pada ketika itu adalah merupakan sebuah pusat penyebaran agama Buddha yang terkenal. Selain menjadi pusat penyebaran Buddha yang luas di Asia, Srivijaya juga telah mempunyai hubungan yang meluas dengan pusat-

pusat pengajaran agama Buddha yang lain di India terutamanya. Tambahan, para pelajar yang belajar di Srivijaya dikatakan bukan hanya merupakan penduduk tempatan, namun ada juga yang berasal dari China dan Tibet.

Di samping itu, peranan pemerintah juga turut menyumbang dalam hubungan keagamaan Buddha ini. Pemerintah yang dimaksudkan tersebut adalah Maharaja Asoka dari kerajaan Maurya. Selain mempunyai minat yang mendalam terhadap agama Buddha, Maharaja Asoka juga telah mengarahkan beberapa utusan dihantar keluar bagi menyebarkan agama Buddha. Sejarah mencatatkan bahawa terdapat dua orang mubaligh Buddha yang bernama Sona dan Utara telahpun diarahkan untuk ke Suvannabhumi pada abad ke-3 Masihi. Hal ini telah membuktikan bahawa terdapatnya hubungan keagamaan yang terjalin antara kerajaan India dengan kerajaan Alam Melayu pada ketika itu.

c) Agama Islam (Arab, India, China)

Hampir sama dengan hubungan keagamaan yang berlaku antara agama Hindu dengan kerajaan Alam Melayu, agama Islam juga turut mengalami perkara yang sama. Seperti yang sedia maklum bahawa agama Islam adalah berasal daripada tanah Arab pada awalnya. Namun dengan adanya hubungan keagamaan yang dijalankan antara kerajaan Islam dan kerajaan luar yang lain dengan kerajaan Alam Melayu di Asia Tenggara ini telah menyebabkan agama Islam ini dapat berkembang di Asia Tenggara sehingga ke hari ini. Terdapat beberapa pandangan mahupun teori yang digunakan dalam hubungan keagamaan ini :

i)Teori dari Arab (Kerajaan Arab-Parsi)

Dakwah atau pengajaran agama Islam dikatakan datang secara terus dari negara Arab melalui teori ini. Namun, menurut Professor Thomas Arnold, beliau menyatakan bahawa mustahil untuk kita mengetahui tarikh atau tahun yang tepat tentang kemasukan agama Islam ini kerana terdapat ramai saudagar Arab yang telah datang ke Asia Tenggara untuk menjalankan aktiviti perdagangan sejaka dahulu lagi. Buktinya, saudagar Arab telah menguasai Pulau Ceylon pada abad ke-2 Masihi.

Ferrand & Schricke juga ada menyebut bahawa terdapat sebuah angkatan yang terdiri daripada 35 buah kapal Parsi yang dimiliki oleh Khalifah Umar Abdul Aziz pada tahun 717 hingga 720 Masihi. Angkatan yang berlepas dari Ceylon itu menetap di Palembang selama 5 tahun dan menuju ke China. Ekoran itu, armada tersebut juga telah mengirimi misi dakwah Islam ke serata tempat yang dikunjungi. Jadi atas sebab inilah agama Islam dipercayai telah dibawa masuk secara langsung melalui hubungan keagamaan antara kerajaan Islam dengan kerajaan Alam Melayu.

ii)Teori dari India (Kerajaan India)

Menurut Snouck Hurgronje iaitu seorang ahli sejarah Belanda berpendapat bahawa India merupakan negara yang sentiasa dirujuk dan dijadikan panduan oleh setiap kerajaan di Asia Tenggara bagi mendapatkan ilmu dalam pelbagai bidang. Malah, S.Q. Fatimi juga menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan di Alam Melayu ini sebenarnya menerima ajaran agama Islam berkuatn oleh lanjutan penerimaan agama tersebut di India terlebih dahulu. Bagi Moquette dan R.A Kern pula, mereka berpendapat bahawa Gujerat adalah tempat asal dimana wujudnya agama Islam itu. Hal ini adalah kerana terdapatnya ciri persamaan antara batu-batu nisan di Gersik (1414M) dan Pasai (1428M) engan batu nisan di Gujerat. Berdasarkan pandangan-pandangan yang diutarakan oleh para sarjana ini dapat kita lihat bahawa India telah memainkan peranan penting dalam kemasukan agama Islam di Asia Tenggara. Walaupun jika dilihat proses ini adalah secara tidak langsung sahaja namun ini membuktikan bahawa telah wujud hubungan keagamaan antara kerajaan Alam Melayu dengan dunia luar, India.

iii)Teori dari China (Kerajaan China)

Teori ini telah dikemukakan oleh ahli sejarawan terkenal seperti E.G Eredia dan juga S.Q Fatimi. Pada pandangan Eredia, para pedagang Arab pernah menjalankan urusan perniagaan di Canton. Malah, Canton pada ketika amat dikenali sebagai sebuah pusat perdagangan yang maju. Kedatangan pedagang Arab ini akhirnya telah menyebabkan ramai pedagang China memeluk Islam. Golongan pedagang China yang telah menerima ajaran Islam ini pula dikatakan telah berdagang di Asia Tenggara sambil mengembangkan dakwah Islam. Justeru itu, hubungan keagamaan yang terjalin antara China dan kerajaan Alam Melayu dapat diperlihatkan.

Berbeza dengan pandangan Eredia, S.Q Fatimi pula menyatakan bahawa golongan pedagang China telah berpindah secara besar-besaran dari Canton ke Asia Tenggara. Kedatangan golongan baru dari China ini akhirnya telah menyebabkan ajaran agama Islam dapat dikembangkan di Asia Tenggara. Selain berdagang sambil berdakwah, mereka ini juga turut menyebarkan agama Islam melalui perkahwinan. Hal ini kerana ada diantara mereka yang berkahwin dengan penduduk tempatan dan akhirnya berjaya mempengaruhi penduduk asal memeluk agama Islam. Oleh itu, jelaslah bahawa golongan pedagang dari kerajaan China ini secara tidak langsung telah menjalankan hubungan keagamaan dengan masyarakat di kerajaan Alam Melayu di Asia Tenggara.

2.3 HUBUNGAN DIPLOMATIK

Hubungan diplomatik adalah hubungan yang dijalinan antara dua atau lebih kerajaan. Sebelum membina sesebuah hubungan diplomatik ini, kerajaan yang terlibat perlulah mengambil kira aspek-aspek

asas yang diperlukan. Antaranya adalah seperti dasar kepercayaan, permuafakatan, keserasian dan yang paling penting adalah matlamat bersama untuk menjayakan kepentingan masing-masing. Mokhtar Muhammad (2005:18) pernah menyatakan bahawa diplomatik adalah hubungan yang tersusun antara kerajaan dan merupakan rangka asas kepada perhubungan antara negara dengan menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara dalam perhubungan rasmi diantara negara. Tambahnya lagi, sesebuah hubungan diplomatik yang tersusun akan memudahkan jalinan hubungan kerjasama yang erat antara sesebuah kerajaan termasuklah dari aspek segi hubungan sosial, budaya, agama, ekonomi mahupun politik. Dari pandangan Holsti (1983:19) pula menyebut bahawa diplomatik merujuk kepada semua bentuk interaksi antara anggota (negara) sama ada disokong oleh kerajaan ataupun tidak.

Hubungan diplomatik sebenarnya telah wujud sejak dahulu lagi, terutamanya pada zaman Kerajaan Alam Melayu lagi. Hal ini dapat dibuktikan apabila Hall, D.G.E (1966:25) menyatakan bahawa Empayar Funan merupakan antara kerajaan Melayu terbesar dan tertua di Semenanjung Indochina yang telah mengamalkan hubungan diplomatik. Malah, pernyataan tersebut juga disokong oleh Mohd Jamil Mukmin (2011:71) dimana beliau mengakui bahawa kerajaan Melayu seperti Funan, Champa, Kedah Tua dan Langkasuka pernah menjalin hubungan diplomatik dengan beberapa kerajaan besar seperti China, Arab dan juga India. Impaknya, kerajaan Melayu tersebut telah berjaya muncul sebagai kerajaan Melayu yang hebat terutama dari segi pemerintahan dan pentadbiran kerajaan.

i. Hubungan Persahabatan :

- Kerajaan Srivijaya dan kerajaan Islam

Dalam catatan sejarah, kerajaan Srivijaya yang diperintah oleh Maharaja Sri Indravarman telah mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan luar seperti kerajaan Islam. Hubungan dua hala ini bermula apabila Maharaja Sri Indravarman mengambil keputusan untuk mengutus sepucuk surat untuk menghulurkan salam persahabatan dengan kerajaan Islam yang dipimpin oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz pada 718 Masihi yang lalu. Selain daripada berhasrat untuk mengadakan hubungan persahabatan, Maharaja Sri Indravarman juga ingin memohon kepada Khalifah Umar untuk menghantar seorang Ulama bagi mengajarkan tentang agama Islam di kerajaannya. Surat tersebut berbunyi :

Daripada Raja kepada sekalian Raja yang merupakan keturunan seribu Raja-raja, yang permaisurinya juga merupakan cucu kepada seribu Raja-raja, yang taman haiwannya mengandungi seribu gajah, yang di dalam wilayahnya terdapat dua sungai yang mengairi pohon jadam, rempah wangi, buah pala dan limau nipis yang aromanya tersebar jauh 12 batu. Ke hadapan Raja Arab yang tidak menyembah tuhan-tuhan yang lain selain Allah. Aku telah mengirimkan padamu satu hadiah yang tidak seberapa sebagai tanda persahabatan. Aku mohon agar kamu menghantar

*padaku seseorang yang boleh mengajarku tentang Islam dan menerangkan padaku undang-undangnya.*⁶

- Kerajaan Srivijaya dan kerajaan India

Selain itu, kerajaan Srivijaya juga pernah dikatakan telah mengadakan hubungan dua hala dengan kerajaan-kerajaan lain seperti kerajaan India dan China. Hubungan antara kerajaan Srivijaya dengan kerajaan India telah diwujudkan sejak zaman pemerintahan Maharaja Balaputradewa lagi. Selepas hampir sekian lama memerintah kerajaan, Maharaja Balaputradewa bertindak untuk menjalinkan hubungan luar dengan kerajaan Chola dari Selatan India. Buktinya, terdapat sebuah catatan sejarah yang dikenali sebagai Inskripsi Nalanda pada tahun 860 Masihi, mencatatkan bahawa baginda pernah menghadiahkan sebuah kuil Buddha kepada Universiti Nalanda di India yang merupakan sebuah pusat pengajian agama Buddha terkemuka pada masa itu.

Pada awalnya, hubungan Kerajaan Srivijaya dengan Kerajaan Chola ini adalah sangat baik sekali. Menurut inskripsi-inskripsi India sekitar tahun 1005 Masihi yang lalu, Maharaja Sri Chulamanivarman iaitu seorang pemerintah Srivijaya pada penghujung abad ke-10 telah berbuat baik kepada sebuah bandar di Tamil Nadu, India yang dikenali sebagai Nagapattinam. Hal ini dapat dibuktikan apabila baginda telah dikatakan telah mengarahkan pembinaan sebuah kuil Buddha di bandar Nagapattinam itu. Seterusnya, kuil yang dibina di Selatan India itu dinamakan sempena namanya iaitu Chulamanivarman. Justeru itu, Raja Chola mengambil keputusan untuk menghadiahkan harta yang banyak dari sebuah kampung kepada kuil tersebut.⁷

Menelusuri hubungan diplomatik yang terjalin antara kerajaan Srivijaya dengan kerajaan China juga boleh dilihat semasa pemerintahan Maharaja Chulamanivarman. Seperti pemerintah-pemerintah sebelumnya, baginda juga meneruskan tradisi dalam menjalinkan hubungan dengan kerajaan China melalui utusan.⁸ Hal ini dapat dijelaskan apabila Maharaja Chulamanivarman dikatakan telah menghantar dua utusan kepada Maharaja China pada tahun 1003 Masihi yang lalu. Tujuan utusan tersebut dihantar adalah untuk menyampaikan ufti, dimana kerajaan Srivijaya telah membina sebuah kuil Buddha bagi mendoakan kesejahteraan Maharaja China tersebut. Selain itu, melalui utusan tersebut juga kerajaan Srivijaya memohon agar Maharaja China sudi menamakan kuil yang dibina itu. Maka Maharaja China pun menitahkan satu perintah yang menamakan kuil tersebut dengan nama "*Cheng tien wan shou*" yang bermaksud '*Kurniaan 10,000 tahun dari syurga*'. Kemudian, sebuah loceng khas juga turut ditempa oleh Maharaja China untuk dihadiahkan kepada kerajaan Srivijaya itu. Menurut Coedes & George (1996), terdapat beberapa utusan

⁶ Azra, Azyumardi (2006). *Islam in the Indonesian world: an account of institutional formation*. Mizan Pustaka.

⁷ Coedes, George (1996). *The Indianized States of Southeast Asia*. University of Hawaii Press. hlm 141-143

⁸ Oliver W. Wolters (1967), *Early Indonesian Commerce: A study of the origins of Srivijaya*, Cornell University Press, Ithaca.

seterusnya yang dihantar oleh kerajaan Srivijaya kepada kerajaan China iaitu pada tahun 1004, 1008 dan 1016 hingga 1018 Masihi.⁹

- Kerajaan Majapahit dan China

Sejarah mencatatkan bahawa kerajaan Majapahit pernah menjalinkan hubungan diplomatik yang sangat baik dengan China pada tahun 1499 Masihi yang lalu.¹⁰ Jadi, bagi menjaga hubungan baik yang terjalin itu, kerajaan Majapahit akan menghantar utusan persahabatan kepada Maharaja China di Peking setiap tahun. Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan Cina yang menyatakan bahawa kerajaan China telah menerima beberapa utusan persahabatan daripada Majapahit sekitar tahun 1370 hingga 1381 Masihi.¹¹ Ekoran wujudnya hubungan yang dijalinkan ini, perdagangan antara kedua negara meningkat dan sekaligus menyebabkan ramai orang Cina menetap di Majapahit.

Hubungan diplomatik yang dijalinkan antara kedua negara ini boleh dilihat semasa pemerintahan Raja Hayam Waruk. Pada tahun 1370, 1375 dan 1377, baginda dikatakan telah menghantar utusan kepada kerajaan China. Pada dasarnya, tujuan utusan tersebut dikirimkan adalah bagi memantapkan lagi kedudukan dan kekuasaan Majapahit pada masa itu. Ekoran itu, Raja Hayam Waruk dikenali sebagai seorang pemerintah yang sangat hebat kerana mampu menjadikan kerajaannya kaya terutamanya dengan hasil kutipan ufti dan cukai. Bukan kerajaan sendiri yang bertanggungjawab dalam membayar ufti tersebut malah pemerintah dan rakyat dari seluruh wilayah taklukan Majapahit juga dikenakan peraturan untuk membayarnya. Ditambah pula dengan pengiktirafan yang diperolehi oleh Maharaja China, ini sekaligus memberikan manfaat kepada Majapahit setelah menjalinkan hubungan dua hala dengan kerajaan China.

ii. Hubungan ketenteraan :

- Kerajaan Champa

Selain daripada menjalinkan hubungan persahabatan, bantuan ketenteraan atau senjata juga termasuk dalam hubungan diplomatik. Dengan adanya bantuan sebegini, ianya mampu membuktikan bahawa kerajaan yang terlibat itu mempunyai hubungan yang sangat baik antara kedua pihak. Misalnya dapat dilihat telah wujud hubungan yang sangat baik antara kerajaan China-Champa ketika kerajaan China sudi menghulurkan bantuan ketenteraan kepada Champa. Tentangan yang sering dilakukan oleh Dai Viet ke atas Champa telah menyebabkan Champa terpaksa memohon bantuan kepada China. Walaupun pada asalnya hubungan China dan Champa tidak begitu baik, namun dengan adanya bantuan sebegini ianya mampu membuktikan bahawa kedua-dua kerajaan itu telah mencapai kata sepakat yang baik bagi menundukkan musuh bersama mereka iaitu Dai Viet.

iii. Hubungan Perkahwinan :

⁹ Coedes, George (1996). *The Indianized States of Southeast Asia*. University of Hawaii Press. hlm 141-143

¹⁰ Groeneveldt, op.cit., hlm 39.

¹¹ <http://sugionosejarah.wordpress.com/2011/10/15/kerajaan-majapahit/>

- Kerajaan Majapahit

Hubungan diplomatik bukan sahaja hanya melibatkan hubungan rasmi seperti persahabatan antara dua pihak atau jenis bantuan yang dihulurkan. Perkahwinan juga boleh dikategorikan sebagai salah satu hubungan diplomatik yang boleh dijalinan. Umum mengetahui bahawa seseorang pemerintah atau maharaja pada masa dahulu sangat berkuasa sehingga membolehkannya untuk berkahwin dengan sesiapa sahaja yang diingini. Begitu juga dengan Maharaja Majapahit iaitu Raden Wijaya juga secara tidak langsung telah mengadakan hubungan diplomatik dalam bentuk perkahwinan dengan kerajaan Dharmasraya. Hal ini adalah kerana baginda telah mengahwini seorang puteri dari kerajaan tersebut, Dara Petak.

Sejarah menyatakan bahawa Dara Petak atau juga dikenali sebagai Indreswari adalah merupakan satu-satunya isteri Maharaja Raden Wijaya yang berasal dari luar Jawa. Dara Petak pada asalnya adalah seorang puteri kepada Srimat Tribhuwanaraja Mauliwarmardewa yang dibawa pulang semasa ekspedisi Pamalayu. Dengan wujudnya perkahwinan tersebut, ianya sekaligus mampu menarik perhatian rakyat atau masyarakat dari kerajaan Dharmasraya untuk memberikan taat setia kepada Maharaja Raden Wijaya. Jadi, jelaslah bahawa perkahwinan antara dua kerajaan juga mampu menyumbang dalam sistem pemerintahan. Hal ini sekaligus dapat membuktikan bahawa wujudnya hubungan luar yang terjalin pada ketika itu.

2.4 KONSEP MANDALA

Mandala adalah istilah yang membawa maksud '*lingkaran*' dan telah diperkenalkan oleh sejarawan Inggeris, O.W Wolters pada tahun 1982. Istilah ini digunakan bagi menjelaskan sejarah awal pembentukan politik Asia Tenggara yang patuh pada satu pusat kekuasaan. Mandala juga merupakan konsep politik yang digunakan bagi meluaskan kekuasaan sesebuah kerajaan itu. Dalam lipatan sejarah, antara kerajaan Alam Melayu yang terkenal dengan konsep mandala ini adalah kerajaan Khmer, Srivijaya, Champa dan Majapahit.¹²

a) Kerajaan Majapahit

Kerajaan Majapahit pernah berada di tahap keemasan apabila mampu memperluaskan jajahannya pada suatu ketika dahulu. Berada di bawah pimpinan seorang pemerintah yang muda bukan menjadi penghalang buat kerajaan itu mengorak langkah ke hadapan. Raja Hayam Waruk yang baru berusia 16 tahun telah membuktikan kepada dunia bahawa baginda mampu menjadi seorang pemerintah yang hebat. Sistem

¹² O.W. Wolters, (1999), pp. 27-40, 126-154

pemerintahan dan pentadbiran yang dibantu oleh Maha Patih Gajah Mada ini telah memberi impak yang hebat pada kerajaan tersebut.¹³

Ketika menaiki takhta bagi menggantikan bondanya pada tahun 1350 Masihi, Raja Hayam Waruk mengambil keputusan untuk memperluaskan kekuasaan Majapahit dengan bantuan komando Patih Gajah Mada ke serata kawasan Nusantara. Wilayah-wilayah yang berada di Sumantara, Kalimantan, Sulawesi, Semenanjung Melayu, Pantai Papua Barat, Maluku dan Nusa Tenggara antara kawasan yang dimaksudkan. Oleh kerana kegigihan dan usaha yang dilakukan oleh pemerintah muda itu, Majapahit telah dapat menandingi kerajaan Alam Melayu yang lain terutamanya kerajaan Srivijaya. Disebabkan oleh kekuasaan Srivijaya sudah mulai lemah, banyak wilayah-wilayahnya tidak dapat dipertahankan lagi. Malah, wilayah Palembang yang menjadi harta terakhir Srivijaya juga akhirnya telah berjaya ditakluk oleh kerajaan Majapahit.

b) Kerajaan Champa

Champa pada awal adalah sebuah kerajaan yang sering ditentang dan ditindas oleh musuh tradisinya iaitu Dai Viet. Namun zaman gelap itu telah lenyap ketika Raja Che Bong Nga menaiki takhta untuk memerintah Champa. Sekitar tahun 1366 Masihi, Raja Che Bong Nga ini telah melancarkan serangan balas terhadap Dai Viet. Oleh itu penguasaan ke atas Dai Viet berjaya dilakukan pada serangan pertama Champa. Kesannya, Champa mampu menawan Nghe An pada tahun 1363. Malah, kerajaan Champa juga telah dikatakan telah menunjukkan kehebatannya sekali lagi apabila berjaya menewaskan serangan Raja Dai Viet yang murka setelah kehilangan wilayahnya itu dan percubaan Raja Dai Viet itu tidak berhasil walaupun sehingga akhir hayatnya pada 1371 Masihi.

Tidak hanya berakhir disitu, Champa sekali telah menawan Dai Viet dengan setelah berlaku perselisihan faham antara kedua-dua kerajaan tersebut. Penaklukan kali ini terjadi apabila Dai Viet telah menyerang Champa dengan hampir 120,000 askar di ibu kota Champa, Bal Ngwe. Namun, Raja Che Bong Nga pada ketika itu adalah merupakan seorang raja yang sangat bijak. Jadi baginda telah menggunakan tipu helah dengan memerangkap askar Dai Viet hingga akhirnya berjaya mematahkan serangan tersebut. Kesannya, Dai Viet telah berjaya dikalahkan dan menyebabkan wilayah-wilayah yang dimiliki olehnya telah ditawan sepenuhnya oleh kerajaan Champa.

3.0 KESIMPULAN

Dalam hubungan perdagangan, kedudukan strategik yang dimiliki oleh kerajaan awal Asia Tenggara ini telah membuka ruang dan peluang bagi menjalankan hubungan perdagangan yang menguntungkan.

¹³ Agus Aris Munandar. (2008). *Ibukota Majapahit, Masa Jaya dan Pencapaian*. Jakarta : Komunitas Bambu. hlm 8.

Selain itu, hal ini juga turut membuktikan bahawa sikap keterbukaan yang dimiliki para pemerintah kerajaan-kerajaan tersebut yang mana akhirnya telah membantu dalam memakmurkan ekonomi kerajaan.

Bagi hubungan keagamaan pula, terdapat beberapa agama seperti Hindu, Buddha dan Islam yang dapat disebarkan melaluinya. Oleh itu, pelbagai aspek kehidupan seperti sistem pentadbiran, perundangan, ekonomi dan sosial telah dipengaruhi oleh agama-agama tersebut secara tidak langsung di Asia Tenggara.

Hubungan diplomatik yang telah diadakan pula telah memperlihatkan kepada kita akan kebijaksanaan para pemerintah di kerajaan Alam Melayu dalam metadbir kerajaan masing-masing. Impak positif yang diperolehi daripada hubungan diplomatik ini adalah apabila kedudukan sesebuah kerajaan yang terlibat itu akan mampu diperkukuhkan lagi di samping membuka ruang untuk perkembangan dunia perdagangan negara.

Selain itu, dengan wujudnya hubungan-hubungan yang diadakan ini ianya sekaligus mampu membuktikan bahawa kerajaan awa Asia Tenggara ini adalah bersifat sangat terbuka dan liberal dengan kerajaan luar. Malahan, para pemerintah juga dilihat sangat bijak dalam mengendalikan dan mengawal hubungan kerajaannya dengan kerajaan luar yang terlibat.

Akhir kata, jelaslah disini bahawa kerajaan Alam Melayu ini adalah sebuah lingkungan kawasan yang sangat luas dan besar dari pelbagai aspek terutamanya geografi, sosial dan ekonomi. Malah, kita juga dapat melihat kejayaan atau kegemilangan yang telah dicapai sehingga mampu dikenali dan masyhur di persada dunia. Kegemilangan yang dicapai ini juga dapat kita kaitkan dengan sikap keterbukaan kerajaan Alam Melayu ini dalam menjalinkan pelbagai jenis hubungan sesama mereka atau melibatkan hubungan luar.

RUJUKAN

Agus Aris Munandar. (2008). *Ibukota Majapahit, Masa Jaya dan Pencapaian*. Jakarta : Komunitas Bambu.

hlm 8.

Alfred Russel Wallace, *The Annotated Malay Archipelago*, Oxford: John Beaufoy Pub., 2009, hlm. 60

Ali Mursyid, *Pelayanan Keagamaan Terhadap Umat Budhha di Kota Palembang*, 2008, dalam *Harmoni*,

Vol.VII, Oktober-Des, Puslitbang Kehidupan Keagamaan Depag RI.

Arlan Ismail H.M., 2003, *Periodisasi Sejarah Sriwijaya Bermula Di Minanga Komering Ulu Sumatera*

Selatan Berjaya Di Palembang Berakhir Di Jambi, tp

- Azra, Azyumardi (2006). *Islam in the Indonesian world: an account of institutional formation*. Mizan Pustaka.
- Coedes, George (1996). *The Indianized States of Southeast Asia*. University of Hawaii Press. hlm 141-143
- Coedes, George (1996). *The Indianized States of Southeast Asia*. University of Hawaii Press. hlm 141-143
- Ferrand, G. 1919. Le K'ouen-louen. *Journal Asiatique* (Paris, mai-juin): 451-455.
- Groeneveldt, op.cit., hlm 39.
- <http://sugionosejarah.wordpress.com/2011/10/15/kerajaan-majapahit/>
- Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*, Bangi: Penerbit UKM, 1993, hlm. 14
- J-Takakusu (2005), *A Record of the Buddhist Religion As Practised in India and the Malay Archipelago* (A.D 671-695). Asian Educational Services. hlm xxxiv.
- Marwati Djoened Poesponegoro, Nugroho Notosusanto (1992), *Sejarah Nasional Indonesia : Jaman Kuna*, PT Balai Pustaka
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Othman Mohd. Yatim. 1992. *Warisan Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Ikatan Ahli-ahli Arkeologi Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (et.al), *Asal Usul Melayu, Induknya di Benua Sunda, Tanjung Malim*: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016, hlm. 15
- O.W. Wolters, (1999), pp. 27-40, 126-154
- Oliver W. Wolters (1967), *Early Indonesian Commerce: A study of the origins of Srivijaya*, Cornell University Press, Ithaca.
- Triroso, 2014. *Kebesaran Kerajaan Sriwijaya Kejayaan Agama Buddha di Nusantara*, Kencana Megah Perkasa, Jakarta
- Wheatly, P.1957. The Malay Peninsula as known to the Chinese of the Third Century A.D. *JMBRAS* 30(1): 115-121
- Y.Achadiati S, Soeroso M.P., (1988). *Sejarah Peradaban Manusia : Zaman Majapahit*. Jakarta : PT Gita Karya. Hlmn 13.